

MANIFESTASI PEMBANGUNAN TANAH WAKAF MELALUI TRANSFORMASI STRATEGI LAUTAN BIRU DALAM USAHA KETERJAMINAN MAKANAN DI MALAYSIA

MANIFESTATION OF WAQF LAND DEVELOPMENT THROUGH BLUE OCEAN STRATEGY TRANSFORMATION IN THE EFFORT TO ACHIEVE FOOD SECURITY IN MALAYSIA

Sakinatul Raadiyah Abdullah^{1*}

Surita Hartini Mat Hassan²

Che Khadijah Hamid³

Salimah Yahaya⁴

Nik Liyana Mustapa@Nik Daud⁵

^{1*} Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Kedah Branch, Malaysia.

(E-mail: sakinatulraadiyah@uitm.edu.my)

² Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Pahang Branch, Malaysia.

(E-mail: suritahartini@uitm.edu.my)

³ Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Terengganu Branch, Malaysia.

(E-mail: chekhadijah@uitm.edu.my)

⁴ Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Terengganu Branch, Malaysia.

(E-mail: salimahyahya@uitm.edu.my)

⁵ Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Kedah Branch, Malaysia.

(E-mail: nikliyana@uitm.edu.my)

*Corresponding author: sakinatulraadiyah@uitm.edu.my

Article history

Received date : 19-6-2025

Revised date : 20-6-2025

Accepted date : 25-7-2025

Published date : 15-8-2025

To cite this document:

Abdullah, S. R., Mat Hassan, S. H., Hamid, C. K., Yahaya, S., & Mustapa@Nik Daud, N. L. (2025). Manifestasi pembangunan tanah wakaf melalui transformasi strategi lautan biru dalam usaha keterjaminan makanan di Malaysia. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (75), 1016 - 1025.

Abstrak: Wakaf terbukti berjaya meningkatkan kekuatan ekonomi dan sosial masyarakat Islam. Pandemik COVID-19 yang menyerang dunia menyaksikan benteng ekonomi negara terkena tempas dan kesannya terpalit pada isu keterjaminan makanan di Malaysia. Intervensi institusi wakaf dilihat sebagai medium yang berpotensi dalam meningkatkan pembangunan sosioekonomi masyarakat. Di Malaysia, statistik tanah wakaf terkumpul semakin meningkat dengan kepelbagaian transformasi kaedah berwakaf. Namun begitu, menjadi persoalan bagaimanakah tanah wakaf boleh dikembangkan dan ditransformasikan sebagai penguat sektor pertanian dalam keterjaminan makanan. Hakikatnya dalam zaman kontemporari ini, terdapat cabaran dalam pengurusan dan penggunaan harta wakaf secara efektif untuk kepentingan yang maksimum. Strategi Lautan Biru (SLB) merupakan suatu revolusi dalam strategi perniagaan dan inisiatif kaedah global yang menggabungkan kreativiti dan inovasi dalam perancangan perniagaan dan operasi bagi menguasai pasaran yang tidak terbatas. Transformasi SLB ini dilihat sebagai satu manifestasi dalam pembangunan wakaf di Malaysia. Justeru itu, objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti potensi pembangunan tanah wakaf

melalui kaedah SLB dalam usaha keterjaminan makanan di Malaysia. Pengumpulan data diperolehi daripada kajian dokumen. Data dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan. Hasil kajian menunjukkan bahawa pemerkasaan wakaf dalam sektor makanan melalui strategi inovatif dapat memberi impak yang signifikan terhadap ekonomi dan kesejahteraan rakyat Malaysia.

Kata Kunci: *Wakaf, Pembangunan Tanah Wakaf, Strategi Lautan Biru, Transformasi, Keterjaminan Makanan*

Abstract: *Waqf has proven successful in strengthening the economic and social resilience of the Muslim community. The COVID-19 pandemic, which struck globally, impacted national economic stability and brought consequences to the issue of food security in Malaysia. The intervention of waqf institutions is seen as a potential medium for enhancing the socio-economic development of society. In Malaysia, the statistics of accumulated waqf land continue to rise, accompanied by various transformations in waqf methods. However, a critical question remains—how can waqf land be further developed and transformed to strengthen the agricultural sector in the pursuit of food security? In contemporary times, challenges persist in the effective management and utilization of waqf assets to maximize benefits. The Blue Ocean Strategy (BOS) is a revolutionary business and global strategic initiative that integrates creativity and innovation in planning and operations to dominate untapped markets. The transformation brought by BOS is seen as a manifestation in the development of waqf in Malaysia. Therefore, the objective of this study is to identify the potential of waqf land development through the BOS approach in the effort to achieve food security in Malaysia. Data collection was conducted through document analysis, and the data were analyzed using content analysis methods. The findings indicate that the empowerment of waqf in the food sector through innovative strategies can have a significant impact on the economy and the well-being of the Malaysian population.*

Keywords: *Waqf, Waqf Land Development, Blue Ocean Strategy, Transformation, Food Security.*

Pendahuluan

Wakaf merupakan antara salah satu instrumen kewangan dalam institusi ekonomi Islam yang menggabungkan elemen kerohanian dan kebendaan melalui pemberian manfaat kebajikan dan ekonomi kepada masyarakat serta golongan yang memerlukan (Ghazali & Raffar, 2021). Menyedari kepentingan wakaf kepada pembangunan ekonomi ummah, usaha yang berterusan untuk meningkatkan kejayaan menerusi dana wakaf ini sentiasa dilakukan dengan usahasama kerajaan dengan para pengkaji wakaf kontemporari. Sejajar dengan kemaslahatan yang tidak dapat dinafikan melalui instrumen ini, wakaf dilihat sebagai satu medium dalam membantu industri makanan yang mana industri ini merupakan sektor penting dalam sesebuah negara kerana ketersediaan makanan yang mencukupi dan stabil menunjukkan sebuah negara yang mampu menjamin kualiti hidup masyarakat.

Krisis makanan dunia merupakan satu fenomena ketidakcukupan makanan dan kebuluran adalah petanda wujudnya krisis makanan. Terdahulu, Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO), di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menerusi laporan yang dikeluarkan pada tahun 2006, menganggarkan terdapat 6 juta orang berdepan kelaparan di dunia pada tahun 1999 sehingga 2005. Belakangan ini, dunia sekali lagi dikejutkan dengan krisis makanan sehingga

mencetuskan kebimbangan masyarakat dunia. Walhal, negara-negara dunia baru sahaja berdepan ancaman krisis kesihatan, COVID-19 dan krisis alam sekitar yang turut memberi tekanan kepada pasaran makanan. Ditambah pula, krisis peperangan antara Ukraine dan Russia yang berpanjangan, perubahan iklim dan peningkatan kadar inflasi yang turut memberi kesan terhadap kenaikan harga makanan dunia (Astro Awani, 19 Mei 2022). Kesannya, kenaikan harga makanan dan eksport bekalan makanan yang tidak menentu daripada kedua-dua negara tersebut. Lebih-lebih lagi, Ukraine dan Rusia merupakan antara penyumbang terbesar minyak bunga matahari serta pengeksport gandum dan barli. Maka, peperangan ini menjadi salah satu faktor kekurangan makanan dunia sekaligus mempengaruhi harga komoditi di seluruh dunia. Maka, usaha transformasi keterjaminan makanan merupakan elemen terpenting dalam memastikan kelestarian kehidupan manusia. Menjadi suatu kebimbangan jika krisis makanan berlaku rentetan kekurangan penawaran dan peningkatan harga perolehan makanan. Isu kekurangan bekalan makanan khususnya di Malaysia turut dirasai apabila negara Malaysia turut menerima tempas rentetan pelbagai isu krisis makanan global dan lokal. Realitinya, isu kestabilan dan kelestarian sumber makanan ini menjadi topik hangat perbincangan masyarakat khususnya ahli politik, ekonomi dan akademik apabila wujudnya beberapa isu kenaikan harga barang yang mendadak.

Pergantungan yang tinggi terhadap import makanan dan sumber asli untuk output ekonomi, serta dedahan yang tinggi kepada risiko berkaitan iklim dan fenomena cuaca buruk menunjukkan bahawa jaminan keselamatan makanan di Malaysia masih lemah. Seandainya berlaku krisis makanan global, maka kerajaan Malaysia tidak akan mampu untuk membendung peningkatan ke atas harga makanan sekali gus bakal memberikan kesan ke atas kebolehcapaian isi rumahnya untuk memenuhi keperluan asas ini. Penetapan kadar gaji minima sebanyak RM1,500 oleh pihak kerajaan seolah-olah tidak memberikan kelegaan kepada isi rumah kerana harga makanan dan kos sara hidup turut meningkat. Bagi menghadapi isu ini, saranan demi saranan telah disuarakan oleh pelbagai pihak dan di antaranya termasuklah dengan pemansuhan lesen import (AP) yang mana telah membawa kepada pemansuhan ke atas AP bahan makanan, berkuat kuasa serta-merta oleh Perdana Menteri baru-baru ini. Langkah ini dilihat sejajar dengan desakkan beberapa NGO dan ahli ekonomi yang melihatnya sebagai salah satu cara untuk menjamin keselamatan dan bekalan makanan di negara ini. Walau bagaimanapun, adakah langkah ini benar-benar dapat mencapai matlamat yang diharapkan iaitu membantu menstabilkan harga makanan bagi membolehkan kebolehcapaian setiap anggota masyarakat ke atas sumber makanan tanpa mengira latar belakang ekonomi dapat dicapai?

Pemansuhan AP bahan makanan ini dilihat satu langkah yang sangat baik seandainya pihak kerajaan dapat memastikan kuasa monopoli dalam pasaran makanan tersebut dapat dihalang atau tidak berlaku. Namun, seandainya berlaku sebaliknya, maka pemansuhan AP ini tidak akan memberikan kesan ke atas harga makanan. Malah ia hanya akan menguntungkan pihak-pihak tertentu khususnya pengusaha atau pemborong yang mempunyai sumber modal yang lebih besar. Ia sekali gus akan memberi impak tertentu kepada sektor pertanian tempatan terutama golongan petani yang masih mengamalkan aktiviti pertanian dan penternakan sara diri atau berskala kecil untuk kekal bersaing dengan pengeluaran produk import yang bakal masuk. Krisis makanan dunia ini pastinya memberi impak kepada negara, khususnya masyarakat Malaysia yang masih lagi bergantung kepada makanan import.

Pakar Institut Kajian Dasar Pertanian dan Makanan, Universiti Putra Malaysia, Prof Datin Paduka Dr. Fatimah Mohamed Arshad menegaskan, sektor pengeluaran makanan masih lagi rendah sehingga menjadikan bekalan makanan sering tidak stabil. Beliau juga menjelaskan bahawa pasaran makanan di Malaysia tidak memiliki kapasiti bertahan terhadap perubahan

pasaran dan perubahan iklim. Hal ini pastinya membawa kepada ketidakstabilan bekalan dan stok makanan negara. Setiap tahun, Malaysia memperuntukkan RM 50 bilion bagi import bahan makanan asas termasuklah beras (30%), daging lembu (78%), daging kambing (90%) dan sayur kobis bulat (60%). Malaysia juga bergantung terhadap komoditi import seperti daging kambing, mangga, kelapa dan daging lembu untuk memenuhi keperluan tempatan. Import makanan ini khususnya daging kambing, 70% diimport dari Australia manakala mangga, kelapa dan daging lembu kebanyakan dari Thailand, Indonesia dan India. Laporan Bernama tahun 2022 juga, pada tahun 2021, Malaysia mengalami defisit RM 25 bilion kerana import agromakanan mencecah RM 64 bilion berbanding eksport RM 39 bilion. Hal ini diperkukuhkan lagi oleh pakar ekonomi, Prof Emeritus Dr. Barjoyai Bardai bahawa berlaku peningkatan import barangan keperluan terutama produk makanan melebihi kadar 80%. Tuntasnya, kebergantungan negara terhadap bekalan makanan import menyebabkan sebarang perubahan harga import akan menjejaskan harga bahan makanan dalam negara. Akibatnya, harga barang makanan akan meningkat serta menjejaskan kemampuan rakyat untuk membeli. Dalam konteks ini, wakaf dilihat sebagai satu manifestasi penyumbang kepada pencapaian ekonomi sesebuah negara dalam perkembangan peradaban Islam sejak awal kedatangan Islam lagi. Tambahan pula, wakaf juga telah menjadi mekanisme yang dapat membantu perbelanjaan kerajaan, mencegah pembiayaan defisit, mengelak penurunan kadar faedah, memberi kestabilan dalam pengagihan pendapatan dan kekayaan, membasmi kemiskinan serta meningkatkan kemajuan ekonomi sesebuah negara (Mochammad Arif, 2014).

Perkembangan wakaf di seluruh dunia turut mempengaruhi perkembangan wakaf di Malaysia. Malaysia sebenarnya memiliki rizab tanah wakaf yang amat besar. Pembangunan tanah-tanah wakaf ini pastinya akan dapat menjana ekonomi umat Islam. Keluasan tanah wakaf di Malaysia ialah sebanyak 30,888.89 hektar di mana (Data Tanah Wakaf Terkini). Hal ini selari dengan data yang diperolehi berdasarkan statistik Yayasan Wakaf Malaysia dan Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) di Jabatan Perdana Menteri, yang menjelaskan bahawa hanya 13 peratus atau kira-kira 30,000 hektar tanah wakaf di negara ini dimajukan dan secara tradisinya diperuntukkan kepada institusi atau sekolah agama. Kadar penggunaan yang rendah menunjukkan potensi besar wakaf yang belum diterokai dalam memangkin pembangunan sosio-ekonomi sekaligus sebagai satu cara dalam usaha transformasi melestarikan tanah wakaf menerusi potensi wakaf tani.

BILANGAN LOT TANAH WAKAF									
Jumlah 78	Sarawak Am : Khas :	14	01	Pulau Pinang Am : 1083 Khas : 69	Jumlah 1152	02	Pahang Am : 144 Khas : 0	Jumlah 144	
Jumlah 3798	Johor Am : Khas :	13				03	Kelantan Am : 89 Khas : 421	Jumlah 510	
Jumlah 1068	Kedah Am : 130 Khas : 938	12				04	Terengganu Am : 170 Khas : 443	Jumlah 613	
Jumlah 5233	Perak Am : 318 Khas : 4915	11				05	Melaka Am : 145 Khas : 609	Jumlah 754	
Jumlah 93	Pertis Am : Khas :	10				06	W.Persekutuan Am : 144 Khas : 0	Jumlah 144	
Jumlah 114	Selangor Am : 537 Khas : 173	09				07	Negeri Sembilan Am : 12 Khas : 17	Jumlah 29	
				Jumlah 114	Sabah Am : 4 Khas : 110	08			
Jumlah Keseluruhan					14,356 Lot				

Gambar 1: Bilangan Lot Tanah Wakaf

(Sumber: <https://www.jawhar.gov.my/en/waqf/waqf-land/>)

Berdasarkan kepada statistik tanah wakaf dan keluasan tanah wakaf yang ada, dapat dilihat bahawa banyak bentuk pelaburan wakaf yang boleh dilakukan, dan ia memerlukan penambahbaikan konsep. Penambahbaikan konsep inilah yang dapat diaplikasikan dengan usaha transformasi tanah wakaf melalui usaha untuk mewujudkan model pembangunan wakaf tani melalui strategi lautan biru sekaligus dengan usaha ini dapat menumpukan kepada usaha keterjaminan makanan yang menjadi keperluan hidup manusia sejagat. Dengan cara ini, akhirnya kita boleh melihat peranan wakaf dalam meningkatkan fungsi harta secara maksimum sesuai dengan niat murni orang yang telah mewakafkan harta untuk kemaslahatan ummah sejagat. Hasilnya, usaha dalam melestarikan harta wakaf itu dapat dilaksanakan dan selaras dengan tujuan utama ibadah wakaf ini dilakukan. Justeru, ketersediaan menghadapi situasi tersebut, usaha pihak kerajaan dalam pihak kerajaan boleh mempertimbangkan penglibatan dan peranan institusi wakaf dalam memperkasakan Dasar Pertanian Negara Ketiga (DPN3) yang telah dirangka. Institusi wakaf di Malaysia khususnya anak syarikat di bawah Majlis Agama Islam mungkin boleh mempertimbangkan penglibatan mereka dalam membangunkan tanah-tanah wakaf dengan aktiviti pertanian yang berskala besar bagi memenuhi keperluan sumber makanan negara. Cadangan ini sejajar dengan pendekatan dan teras strategik DPN3 yang memperkenalkan pendekatan perhutani (agroforestry approach) dan pendekatan berasaskan produk (product-based approach). Hal ini selari dengan peranan pihak kerajaan juga yang ingin memartabatkan wakaf dalam usaha wakaf madani. Maka, melalui pendekatan yang bersesuaian, pihak MAIN atau institusi wakaf dapat membangunkan tanah-tanah wakaf terbiar dengan aktiviti pertanian atau penternakan moden melalui bimbingan pakar pertanian dan pihak Kementerian Pertanian dan Industri Makanan.

Pembangunan wakaf dan SLB adalah dua bidang yang berbeza, namun mempunyai beberapa persamaan dalam hal pembangunan ekonomi. Kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa terdapat beberapa kaedah yang boleh digunakan untuk memanfaatkan potensi pembangunan wakaf menerusi kaedah SLB di mana mempunyai potensi untuk digabungkan bagi memaksimumkan manfaat kepada masyarakat dan negara. Kajian-kajian lepas yang telah dijalankan menunjukkan bahawa wakaf dan SLB boleh diintegrasikan untuk memajukan pembangunan wakaf dalam sektor-sektor tertentu termasuklah sektor pertanian. Kajian Noor, N. A. M., & Omar, N. (2020) melalui telah memfokuskan kepada isu dan cabaran yang wujud dalam membangunkan tanah tanah secara umumnya. Berbeza dengan kajian Samsudin, S. F., & Jusoh, M.R.(2020) yang menjelaskan peranan SLB dalam memperkasakan pengurusan wakaf di Malaysia dan kajian ini selari dengan kajian yang dilakukan oleh Ismail, S. S., Samsudin, S. F., & Yusoff, W. F. W. (2021) yang turut menyatakan tentang keberkesanan kaedah ini.

Kajian Literatur

Pembangunan tanah wakaf telah melalui pelbagai transformasi dalam usaha memperkasakan peranan wakaf sebagai instrumen pembangunan sosioekonomi. Menurut Ismail dan Ramli (2023), tanah wakaf yang selama ini tidak dibangunkan berpotensi untuk dimanfaatkan bagi sektor kritikal seperti pertanian dan keterjaminan makanan. Waqf bukan sekadar bersifat ibadah, tetapi turut menyumbang secara langsung kepada kelangsungan hidup masyarakat Islam, terutama dalam isu keselamatan makanan, yang semakin mendesak dalam landskap global semasa. Pembangunan tanah wakaf secara sistematik dapat menjadi instrumen penting dalam merapatkan jurang ekonomi melalui penyediaan sumber makanan yang mampan dan mampu milik.

Strategi Lautan Biru (SLB) pula menawarkan pendekatan inovatif bagi menangani isu ketidakefisienan dan persaingan berlebihan dalam pembangunan sektor pertanian. Dalam konteks pembangunan wakaf, pendekatan SLB dilihat mampu memecahkan sempadan tradisional melalui kolaborasi antara agensi kerajaan, institusi agama, sektor swasta dan komuniti. Kajian oleh Abdullah, Mat Hassan, dan Hamid (2024) menunjukkan bahawa gabungan wakaf dengan pendekatan SLB mewujudkan ruang pasaran baharu yang kurang persaingan, seterusnya meningkatkan keberkesanan projek wakaf seperti pertanian komuniti, agro-wakaf dan pembangunan infrastruktur makanan. Pendekatan ini juga membolehkan penggunaan sumber secara optimum dan mencipta nilai tinggi kepada masyarakat setempat.

Dalam konteks keterjaminan makanan, pembangunan tanah wakaf melalui pendekatan SLB dapat mengurangkan kebergantungan terhadap import makanan dan meningkatkan ketersediaan makanan tempatan. Bhari (2023) menegaskan bahawa keterjaminan makanan bukan hanya berkaitan bekalan fizikal makanan, tetapi juga melibatkan akses ekonomi, kestabilan pengeluaran, dan keupayaan rakyat memiliki makanan secara konsisten. Justeru, pembangunan wakaf pertanian dengan strategi berimpak tinggi seperti SLB bukan sahaja dapat meningkatkan hasil pengeluaran, tetapi juga memperkukuh daya tahan ekonomi masyarakat miskin dan terpinggir. Kajian-kajian ini membuktikan bahawa pendekatan inovatif dalam pembangunan wakaf memainkan peranan penting dalam menjamin keterjaminan makanan negara secara berterusan dan mampan.

Metodologi

Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif dalam mengembangkan pemahaman konteks serta situasi dengan melakukan penerokaan berkaitan peranan wakaf dan isu-isu di dalam industri makanan bagi melihat kesesuaian jaminan kualiti hidup. Oleh itu, data yang digunakan adalah sumber sekunder dan dikumpulkan melalui penyelidikan perpustakaan berkaitan wakaf khususnya pertanian, sekuriti makanan serta pertanian daripada bahan seperti buku, jurnal dan sebagainya. Kaedah kualitatif digunakan untuk menjawab persoalan kajian yang lebih bersifat penerokaan dan kompleks. Data diperolehi melalui sumber data sekunder secara kaedah perpustakaan melalui penelitian kepada artikel dan penyelidikan terdahulu dilakukan secara menyeluruh seterusnya dianalisis secara deskriptif. Kajian ini menggunakan data sekunder. Data sekunder adalah data yang dikumpul dan dianalisis oleh orang atau organisasi lain untuk tujuan tertentu, tetapi kemudian digunakan oleh penyelidik lain untuk menjawab soalan kajian yang berbeza. Proses menganalisis dapatan kajian adalah berdasarkan data yang diperolehi secara analisis kajian-kajian terdahulu yang memenuhi tema-tema kajian dan diolah sesuai dengan objektif kajian yang ditetapkan.


Dapatan Kajian

Potensi Pembangunan Tanah Wakaf Melalui Kaedah Strategi Lautan Biru (SLB)

Pembangunan tanah wakaf untuk pertanian melalui pendekatan Strategi Lautan Biru (SLB) menawarkan potensi besar dalam meningkatkan keterjaminan makanan dan ekonomi komuniti di Malaysia. Pendekatan ini menekankan inovasi dan kolaborasi untuk mencipta ruang pasaran baru yang kurang persaingan, sesuai untuk memanfaatkan tanah wakaf dalam sektor pertanian. Berdasarkan kepada dapatan kajian yang dicadangkan dalam kajian Norfaridah et al. (2021), Model *Waqf Trustee-Anchor Company-Community Farmer* diperkenalkan sebagai satu transformasi yang memberi peluang petani mendapatkan sumber pendapatan dan menambah pengetahuan berkaitan petani daripada syarikat yang bekerjasama dengan yang secara tidak langsung membuka peluang perniagaan yang lebih produktif. Kerjasama ini menambahkan

juga dana wakaf yang seterusnya dapat membantu di dalam agihan pendapatan kepada masyarakat melalui kaedah wakaf. Model ini juga dapat membantu isu pemasaran hasil yang berkaitan dengan perniagaan tani.

Justeru, ini menunjukkan peranan syarikat utama yang bukan sahaja membangun malah memasarkan atau menjual hasil tanaman atau ternakan dari tanah wakaf. Kitaran projek pertanian yang berlaku ini seiring dalam membantu kesejahteraan ekonomi. Dapatan kajian daripada Umami Sulaim Ahmad Rashid, Mohd Faiz Mohamed Yusof, & Azri Bhari (2024) membuktikan bahawa pembangunan tanah wakaf melalui kaedah SLB dapat dipraktikkan dengan pelaksanaan wakaf berasaskan penternakan dan pertanian komersial berpotensi untuk menjayakan pengukuhan industri makanan sebagai jaminan kualiti hidup termasuklah aspek keterjaminan makanan untuk keperluan lokaliti tempatan di Malaysia dan meningkatkan tingkat pendapatan bagi pengusaha, pekebun dan penternakan yang terlibat langsung dalam projek wakaf penternakan dan pertanian ini.



Rajah 1: Rangka kerja Peranan Wakaf dalam Industri Makanan sebagai Jaminan Kualiti Hidup

(Umami Sulaim Ahmad Rashid, Mohd Faiz Mohamed Yusof, & Azri Bhari. (2024))

Berdasarkan Rajah 1, menunjukkan bahawa wakaf dapat membangunkan industri makanan dan wakaf juga berperanan dalam meningkatkan jaminan kualiti hidup. Oleh itu, pelaksanaan wakaf di dalam industri makanan dapat mencapai kesejahteraan sosioekonomi seiring kualiti hidup juga melibatkan kesejahteraan sosioekonomi. Ini menunjukkan, peranan wakaf memberi refleksi kepada kepentingan pembangunan industri makanan yang akhirnya dapat memberi fungsi kepada alternatif sumber pembiayaan, membantu perbelanjaan kerajaan, memberi kestabilan dalam sekuriti makanan dan juga membuka sumber pendapatan atau dikenali juga peluang pekerjaan. Fungsi-fungsi ini secara langsung memberi implikasi positif kepada jaminan kualiti hidup masyarakat kerana dapat mencapai keseimbangan di dalam sosioekonomi sesebuah negara.

Transformasi SLB dalam Usaha Keterjaminan Makanan Di Malaysia

Pendekatan usahasama yang melibatkan SLB dilihat relevan dalam usaha memperkuat sektor pertanian sekaligus dalam memastikan keterjaminan makanan di Malaysia. Transformasi

pembiayaan pembangunan tanah wakaf dapat dilaksanakan dengan melihat kepada permasalahan yang berlaku. Realitinya, wakaf pertanian memiliki kepentingan yang besar terhadap isu keterjaminan makanan. Penggunaan tanah wakaf terbiar untuk pertanian dapat membantu mengatasi isu bekalan makanan di Malaysia. Tanah wakaf terbiar merujuk kepada tanah wakaf yang tidak digunakan atau dibiarkan terbengkalai oleh pihak berkuasa wakaf atau pemilik wakaf. Secara umumnya, wakaf terbiar sering berlaku kerana kekurangan sumber daya, dana atau kemampuan pemilik wakaf dalam memanfaatkan tanah wakaf tersebut. Wakaf terbiar yang tidak dimanfaatkan dengan sepenuhnya, selain memberikan impak negatif kepada tanah tersebut, juga mempunyai peluang untuk dimanfaatkan untuk pembangunan wakaf yang lebih produktif dan memberi manfaat kepada masyarakat (Abdullah, M. F., & Rahman, A. A. (2023).

Pemanfaatan tanah wakaf terbiar untuk pertanian, dapat meningkatkan produktiviti tanah dan mengurangkan ketergantungan terhadap tanah yang semakin terhad. Tanah wakaf yang terbiar biasanya tidak terganggu dan tidak tercemar, jadi tanah tersebut mungkin lebih subur daripada tanah yang telah terus digunakan. Penggunaan tanah wakaf terbiar untuk pertanian juga dapat membantu mengurangkan kebergantungan pada import makanan dan meningkatkan kemandirian makanan. Selain itu, penggunaan tanah wakaf terbiar untuk pertanian dapat membantu meningkatkan pendapatan petani dan mengurangkan kemiskinan. Di negara-negara membangun, pertanian masih menjadi sumber pendapatan utama untuk kebanyakan penduduk di kawasan luar bandar (Mohd Fauzi Ibrahim dan Mohd Khairulnizam Yusoff , 2019; Muhammad Anwar, 2021).

Transformasi SLB dalam Usaha Keterjaminan Makanan Di Malaysia dapat dilihat melalui pelaksanaan projek-projek yang berorientasikan kepada industri perikanan dan pelancongan di kawasan pantai dan laut. Gabungan konsep wakaf dan kaedah SLB dalam pembangunan harta wakaf dapat membantu meningkatkan pendapatan dan taraf hidup masyarakat setempat, serta memberi manfaat kepada ekonomi negara melalui pembangunan sektor perikanan dan pelancongan yang berkualiti tinggi. Di samping itu, gabungan ini juga dapat membantu membangunkan pembangunan komuniti yang mampan dan bertanggungjawab terhadap alam sekitar. Antaranya, dalam usaha membangunkan sistem maklumat dalam memadankan kod-kod yang digunakan di Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), terdapat usaha MAIN bekerjasama dengan syarikat tertentu dalam mewujudkan strategi lautan biru ini sekaligus telah mewujudkan sistem dengan keperluan JAWHAR untuk mengambil kira keperluan semua pihak seumum mungkin. Ini termasuklah kod-kod Status Tanah, Kegunaan Tanah, dan lain-lain. Akhirnya, kod-kod dari Sistem Bank Tanah MAIK ijadikan sebagai asas untuk mendefinisikan kod-kod. Kedua, Penyeragaman Struktur Data Tanah. Sistem e-Wakaf telah cuba menyeragamkan struktur data tanah berdasarkan struktur dan peristilahan dan tafsiran yang diguna pakai oleh negeri-negeri masing-masing. Contohnya, keluasan menggunakan pelbagai unit ukuran: meter persegi, kaki persegi, ekar, ekar dan depa, hektar, rod dan pole dan sebagainya. Secara tuntasnya, pelaksanaan kaedah strategi lautan biru dalam pembangunan harta wakaf di Malaysia telah dilaksanakan dengan pelbagai dimensi. Hasil dapatan kajian yang diperoleh mendapati kaedah ini telah dilaksanakan menerusi model-model self-financing dan gabung jalin bersama dengan syarikat-syarikat korporat yang terpilih (Abdullah, S. R., Mat Hassan, S. H., & Hamid, C. A. (2024).

Selain itu, strategi melalui pendekatan ini telah wujud dalam pelaksanaan pembangunan tanah wakaf sebagai salah satu usaha pihak kerajaan bagi mengatasi masalah kekurangan dana untuk membangunkan tanah wakaf. Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) turut terlibat dalam usaha ini dalam memastikan strategi ini dapat dijadikan sebagai satu langkah untuk

memantapkan lagi pengurusan dan pentadbiran wakaf terutamanya melibatkan aspek pembangunan tanah wakaf. Pembangunan tanah wakaf dalam sektor pertanian juga berpotensi kerana terdapat banyak tanah pertanian diwakafkan dan institusi wakaf perlu membangunkan dengan pelbagai kerjasama untuk mendapatkan hasil produk dan perkhidmatan pertanian secara produktif bagi memenuhi keperluan asas khususnya (Hamid et al., 2017; Mazrul Shahir, 2012). Hasilnya terbukti apabila Yayasan Wakaf Malaysia (YWM) telah memperkenalkan projek rintis Wakaf Pertanian Bersepadu (WATANI) yang dijalankan di Putrajaya seluas 10 ekar. Projek ini adalah untuk memperkasakan sosioekonomi rakyat dengan membantu mengurangkan kos sara hidup selaras memperkasakan jaminan bekalan makanan dengan menjalankan projek melibatkan tanaman kontan, tanaman jangka sederhana dan tanaman jangka panjang.

Oleh yang demikian, pendekatan ini dilihat sebagai satu potensi besar sebagai salah satu mekanisme baru dalam membangunkan tanah wakaf. Hasilnya dapat dilihat bahawa potensi pelaksanaan strategi ini dilaksanakan menerusi pelbagai kaedah yang mana ada yang melibatkan integrasi pembiayaan pembangunan wakaf yang sekaligus menguatkan lagi usaha dalam membangunkan harta wakaf. Dalam konteks pembangunan wakaf, penerapan konsep melalui strategi ini dilihat bersesuaian kerana secara jelas konsep ini memberi kebaikan dalam usaha untuk mentransformasikan kepelbagaian pembangunan walaupun melibatkan harta wakaf sekaligus strategi ini merupakan satu pendekatan yang melihat kesan masa hadapan dengan langkah bergerak jauh daripada pendekatan tradisi kepada pendekatan enam prinsip yang ke arah meningkatkan produktiviti dan insentif kepada pelanggan.

Kesimpulan

Kajian ini menunjukkan bahawa kaedah SLB dapat digunakan untuk membangunkan tanah wakaf di Malaysia sekaligus dapat memberikan satu potensi yang baik dalam pengurusan dan transformasi keterjaminan makanan. Gabungan konsep wakaf dan kaedah SLB dalam pembangunan harta wakaf juga dapat membantu meningkatkan pendapatan dan taraf hidup masyarakat setempat serta membangunkan pembangunan komuniti yang mampan dan bertanggungjawab terhadap alam sekitar. Kajian-kajian lepas yang dilakukan juga telah mengeksplorasi konsep SLB dalam konteks pembangunan wakaf di Malaysia, termasuk isu dan cabaran yang dihadapi serta manifestasi dalam memperkuat pengelolaan dan pengembangan wakaf. Berdasarkan dapatan melalui olahan kajian-kajian lepas ini jelas membuktikan bahawa wakaf dan SLB boleh digabungkan untuk memaksimumkan manfaat kepada masyarakat dan negara. Integrasi kedua-dua strategi ini boleh membantu memajukan sektor pertanian negara dan membangunkan tanah wakaf dengan usaha dan tindakan yang berkualiti tinggi. Selain itu, gabungan kedua-dua strategi ini juga dapat membantu meningkatkan pendapatan dan taraf hidup masyarakat, serta membantu membangunkan pembangunan komuniti yang mampan di Malaysia. Oleh itu, penting untuk terus mengkaji dan mengaplikasikan strategi ini secara efektif bagi memaksimumkan manfaat kepada masyarakat dan negara.

Penghargaan

Setinggi-tinggi penghargaan kepada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) di bawah Universiti Teknologi MARA kerana membiayai penyelidikan ini di bawah Geran Penyelidikan Fundamental Penyelidik Muda (FRGS-EC), Universiti Teknologi Mara (UiTM), nombor rujukan 600-RMC/FRGS-EC 5/3 (139/2024). Terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dari segi data pengumpulan dan perkongsian ilmu sepanjang menjalankan kajian ini.

Rujukan

- Abdullah, M. F., & Rahman, A. A. (2023). Analisa terhadap amalan terbaik dan cadangan strategik bagi memaksimumkan penggunaan tanah wakaf untuk menjamin keselamatan makanan di Malaysia. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management*, 16(2), 275-290.
- Abdullah, S. R., Mat Hassan, S. H., & Hamid, C. A. (2024). Manifestasi pembangunan wakaf melalui kaedah Strategi Lautan Biru dalam pembangunan komuniti mampan di Malaysia. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*, 9(65), 82-95.
- Abdullah, Sakinatul Raadiyah; Hassan, Surita Hartini Mat; Hamid, Che Khadijah; Embong, Zaleha; Riyaldi, Muhammad. *Development of Waqf through the Blue Ocean Strategy for Prosperity in Malaysia*. Islamiyyat; Bangi Vol. 46, Iss. 2, (2024): 112-118. DOI:10.17576/islamiyyat-2024-4602-10
- Bhari, A. (2023). Analisis peranan wakaf dalam industri makanan sebagai jaminan kualiti hidup. *Global Journal Al-Thaqafah*, 13(2), 45–60.
- Ghazali, S. S., Raffar, Z., & Aida, I. N. (2021). *Kepelbagaian Bentuk Wakaf Hak Maknawi Ke Arah Pembangunan Ummah*. *Journal of Islamic Philanthropy & Social Finance (JIPSF)*, 3(3), 27-36.
- Ismail, M. I., & Ramli, R. (2023). Kerelevanan wakaf dalam mengurus isu tanah pertanian terbiar di Malaysia. *Akademika*, 93(1), 15–30.
- Mochammad Arif, B. (2014). *The Significance of Waqf for Economic*. *Jurnal Equilibrium*, 2(1), 19–34.
- Ummi Sulaim Ahmad Rashid, Mohd Faiz Mohamed Yusof, & Azri Bhari. (2024). Analisis Peranan Wakaf Dalam Industri Makanan Sebagai Jaminan Kualiti Hidup: An Analysis of the Role of Waqf in the Food Industry as Quality-of-Life Assurance. *Global Journal Al-Thaqafah*, 183–201. <https://doi.org/10.7187/GJATSI072023-14>